

28 JUL 2000

S/USAHA, BENDAHARI DAN KETUA PENERANGAN UMNO JOHOR DILANTIK SEMULA

JOHOR BAHRU, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor telah melantik semula Datuk Ali Hassan sebagai Setiausaha Umno negeri itu pada mesyuaratnya di sini semalam.

Ali ialah Anggota Parlimen kawasan Tebrau dan Ketua Umno Bahagian Tebrau.

Turut dilantik semula ialah Datuk Zainalabidin Mohd Zin sebagai Bendahari dan Timbalan Menteri Kerja Raya Mohamed Khaled Nordin sebagai Ketua Penerangan.

Zainalabidin ialah Speaker Dewan Undangan Negeri dan Ketua Umno Bahagian Batu Pahat manakala Mohamed Khaled Anggota Parlimen kawasan Johor Baharu dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Johor Baharu.

Awal bulan ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti telah melantik Abdul Ghani sebagai pengerusi dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Timbalan Pengerusi Umno Johor.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna, ialah Ketua Umno Bahagian Pagoh.

Beliau menggantikan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang juga Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi.

-- BERNAMA

MKO MAI